

Gelagat curiga bongkar cubaan seludup petrol

Kota Bharu: Gelagat mencurigakan dua lelaki dalam sebuah kereta di tebing Sungai Golok, Rantau Panjang membongkar cubaan mereka untuk menyeludup petrol ke negara jiran.

Dalam kejadian pada jam 8.20 malam Khamis lalu, mereka ditahan bersama 49 tong berisi petrol dan kereta Proton Saga FLX terbabit dianggarkan bernilai RM20,000.

Batalion ke-2 Rejimen Sempadan dalam kenyataan, semalam berkata, lima anggota tentera melakukan rondaan di sempadan Kelantan-Thailand sebelum ternampak sebuah kereta di tebing sungai itu.

Menurutnya, mereka kemudian melakukan pemeriksaan terhadap lelaki itu


kerana dilihat mencurigakan.

"Sebaik menyedari kehadiran anggota, seorang daripada mereka melarikan diri manakala seorang lagi berjaya ditahan.

"Hasil pemeriksaan mendapati kereta terbabit sudah diubah suai bagi menyeludup petrol ke negara jiran, selain menemui 12 tong (30 liter) dan 37 tong (25 liter) petrol dalam kenderaan itu," katanya.

Menurutnya, kedua-dua lelaki itu bersama barang rampasan kemudian diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

Katanya, rampasan itu adalah kejayaan ketiga pada tahun ini selepas menggagalkan cubaan menyeludup daun ketum dalam kuantiti besar pada awal bulan lalu.



ANGGOTA tentera merampas 49 tong berisi minyak petrol dan sebuah kendaraan jenis Proton Saga FLX.